

12 JUN 2003

Chan-Bajet

BELANJAWAN NEGARA IMBANGI PERMINTAAN SEMUA PIHAK

KOTA TINGGI, 12 Jun (Bernama) -- Kerajaan sentiasa berusaha mengimbangi permintaan pelbagai pihak dalam menyediakan belanjawannya untuk memastikan ia memberi manfaat kepada rakyat dan pertumbuhan negara, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy.

Katanya, Kementerian Kewangan yang selesai menjalankan dialog bajet baru-baru ini, telah menerima pelbagai cadangan serta permintaan daripada pelbagai pihak, yang semuanya akan diberikan pertimbangan sewajarnya.

"Kita tidak mungkin boleh memenuhi permintaan semua pihak, tetapi yang pentingnya bajet itu bermanfaat untuk semua," katanya kepada pemberita selepas merasmikan ibu pejabat syarikat wakil insurans MEC Agency Sdn Bhd di sini hari ini.

Chan berkata kerajaan memerlukan masa membuat pertimbangan untuk merangka bajetnya kerana antara permintaan yang diterima, ada yang seakan-akan bertentangan kepentingan antara satu dengan yang lain.

"Bila kita berjumpa wakil persatuan perniagaan, mereka meminta kerajaan potong cukai, dan bila kita jumpa pertubuhan bukan kerajaan dan wakil rakyat pula, mereka meminta kita menambah peruntukan," katanya.

Chan berkata kerajaan menerima banyak memorandum daripada pelbagai organisasi, badan korporat, persatuan perniagaan dalam negeri dan wakil peniaga luar negeri.

"Bukan senang bagi kerajaan untuk mengimbangi kehendak semua pihak yang berbagai-bagai," katanya.

Ketika ditanya mengenai peringatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan supaya kerajaan negeri tidak meminta peruntukan keterlaluan, Chan berkata memang biasalah bagi kerajaan negeri mengemukakan permohonan kepada kerajaan pusat untuk mendapatkan peruntukan.

"Kerajaan negeri, akan membuat permohonan itu, yang semuanya diminta untuk tujuan pembangunan di negeri masing-masing," katanya.

-- BERNAMA

MNY MAI